

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	6 MARCH 2015

## PM pandang serius ancaman aedes

**KUALA LUMPUR 5 Mac** - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengingatkan orang ramai supaya sentiasa berwaspada dengan gejala demam denggi yang dibawa oleh nyamuk aedes berikutan demam tersebut boleh membawa maut.

Beliau turut menasihati mereka segera mendapatkan rawatan di klinik atau hospital sekiranya disyaki diserang demam denggi.

Ini merupakan peringatan kedua Perdana Menteri berhubung ancaman nyamuk aedes tahun ini sekali gus menunjukkan beliau memandang serius gejala tersebut yang sehingga penghujung bulan lalu, telah meragut sebanyak 62 nyawa.

Pada 17 Februari lalu, Perdana Menteri menyatakan komitmen kerajaan dalam meneruskan usaha membasmi penularan demam denggi yang dilihat semakin membimbangkan, namun beliau berharap semua pihak akan mengambil langkah berjaga-jaga dan segera mendapatkan bantuan perubatan sekiranya mengalami tanda-tanda gejala berkenaan.

Selain peringatan itu, beliau turut menyatakan simptom-simptom demam denggi yang perlu diberi perhatian, antaranya sakit kepala, demam panas, sakit di belakang mata, sakit badan, pendarahan ringan gusi, hidung atau di bawah kulit dan ruam kulit.

"Denggi membunuh. Dapatkan rawatan segera di klinik atau hospital sekiranya terdapat gejala sebegini," katanya dalam laman Twitter @NajibRazak hari ini.

Sementara itu, dalam status terbaharu di laman Facebook miliknya, Perdana Menteri turut meminta orang ramai supaya memastikan rakan serta keluarga masing-masing mengetahui maklumat mengenai tanda-tanda dan gejala demam denggi.

Katanya, beliau tidak mahu lagi melihat sesiapa menderita atau bersedih akibat kehilangan ahli



um-6/3/2015

**Denggi mampu membunuh. Pastikan maklumat mengenai tanda-tanda serta gejala demam denggi diketahui oleh rakan serta keluarga anda. Sekiranya ada walau sedikit tanda-tanda seperti ini, terus dapatkan nasihat dan rawatan di klinik dan hospital terdekat atau hubungi Kementerian Kesihatan Malaysia di 03-8881 0600. Saya tidak ingin lagi lihat sesiapa menderita atau bersedih akibat kehilangan ahli keluarga kerana denggi."**

**DATUK SERI NAJIB TUN RAZAK**  
Perdana Menteri

keluarga kerana wabak itu.

"Denggi mampu membunuh. Pastikan maklumat mengenai tanda-tanda serta gejala demam denggi diketahui oleh rakan serta keluarga anda.

"Sekiranya ada walau sedikit tanda-tanda seperti ini, terus dapatkan nasihat dan rawatan di klinik dan hospital terdekat atau hubungi Kementerian Kesihatan Malaysia di 03-8881 0600. Saya tidak ingin lagi lihat sesiapa menderita atau bersedih akibat kehilangan ahli keluarga kerana denggi," katanya.

Dalam tempoh dua bulan tahun ini sahaja, sebanyak 23,630 kes demam denggi direkodkan di seluruh negara, berbanding 16,053 bagi tempoh yang sama tahun lalu.